Malaysia Airlines	bermaksud Malaysia Airlines Berhad yang mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran, <i>South Support Zone (SSZ)</i> , Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, 64000 Sepang, Selangor, Malaysia.
Penerbangan Malaysia Airlines	bermaksud Penerbangan yang dikendalikan dan dipasarkan oleh Malaysia Airlines (tidak termasuk penerbangankod perkongsian").
Program	bermaksud program Kad AmBank Enrich Visa dan termasuk sebarang variasi pindaan yang dibuat kepadanya yang boleh dipinda oleh AmBank dari semasa ke semasa, menurut budi bicaranya.

2. Program ini disediakan kepada Pemegang Kad dan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat dalam Perjanjian Pemegang Kad.

Yuran Tahunan

3. Yuran Tahunan akan dikenakan ke atas setiap Kad seperti berikut:

	Kad AmBank Enrich Visa Infinite	Kad AmBank Enrich Visa Platinum						
Yuran Tahunan – Pemegang Kad Utama	RM500.00 - Yuran Tahunan untuk tahun pertama akan dikenakan pada bulan pertama penyata Kad Pemegang Kad Utama. - Yuran Tahunan untuk tahun-tahun berikutnya akan dikenakan setiap tahun pada bulan ulang tahun. - Kelayakan untuk penepian Yuran Tahunan untuk setiap tahun berikutnya adalah tertakluk kepada keperluan Jumlah Perbelanjaan Tahunan* seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:<table><tr><th>Jumlah Perbelanjaan Tahunan*</th><th>Penepian Yuran Tahunan</th></tr><tr><td>RM50,000.00 – RM99,999.99</td><td>50%</td></tr><tr><td>RM100,000.00 & ke atas</td><td>100%</td></tr></table>	Jumlah Perbelanjaan Tahunan*	Penepian Yuran Tahunan	RM50,000.00 – RM99,999.99	50%	RM100,000.00 & ke atas	100%	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat
Jumlah Perbelanjaan Tahunan*	Penepian Yuran Tahunan							
RM50,000.00 – RM99,999.99	50%							
RM100,000.00 & ke atas	100%							
Yuran Tahunan – Pemegang Kad Tambahan	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat						

*Jumlah Perbelanjaan Tahunan = Jumlah Perbelanjaan runcit terkumpul 12 bulan sebelum tarikh pembaharuan Yuran Tahunan Kad. Ini termasuk jumlah perbelanjaan gabungan pada Kad Utama dan Kad Tambahan.

Mendapatkan Mata Ganjaran Enrich

4. Untuk layak memperolehi Mata Ganjaran Enrich, Pemegang Kad mestilah seorang Ahli Enrich berdaftar dan mempunyai Akaun Enrich dengan Malaysia Airlines dan Akaun Kad mestilah sah/aktif, berkedudukan baik, tidak berstatus delinkuen dan tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat dalam Perjanjian Pemegang Kad. Kelayakan akan ditarik balik sekiranya Pemegang Kad melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan menipu, menyalahi undang-undang atau salah, yang berkaitan dengan Akaun Kad dan/atau kemudahan atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh Bank, Bank mengikut budi bicaranya boleh menarik semula, membalikkan atau membatalkan kelayakan Pemegang Kad untuk memperolehi Mata Ganjaran Enrich mengikut Klausula 13(e).
5. Pemegang Kad yang merupakan Ahli Enrich sedia ada dan mempunyai Akaun Enrich yang aktif pada masa permohonan Kad, Pemegang Kad hendaklah memberikan alamat e-mel yang sepadan dengan alamat e-mel berdaftar mereka dalam Akaun Enrich semasa permohonan Kad.
6. Sekiranya Pemegang Kad bukan Ahli Enrich berdaftar dan tidak mempunyai Akaun Enrich semasa membuat permohonan Kad, Bank boleh mendedahkan maklumat peribadi Pemegang Kad kepada Malaysia Airlines bagi memudahkan permohonan Pemegang Kad untuk menjadi Ahli Enrich dan membuka Akaun Enrich. Maklumat peribadi yang mungkin didedahkan oleh bank adalah termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan/pasport, alamat surat-menyurat, tarikh lahir, alamat emel, nombor untuk dihubungi, kewarganegaraan, negara tempat tinggal, jantina dan maklumat lain yang seumpamanya yang mungkin diminta oleh pihak Malaysia Airlines untuk memproses permohonan pemegang kad sebagai Ahli Enrich dan membuka Akaun Enrich.
7. Mata Ganjaran Enrich diberikan kepada Pemegang Kad akan dikreditkan ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad berdasarkan jumlah amaun transaksi runcit dalam Ringgit Malaysia (RM) yang diposkan yang dibuat menggunakan Kad. Ia akan terkumpul setiap hari bagi setiap transaksi dan dibundarkan ke Mata Ganjaran Enrich terdekat seperti berikut:

Jadual A

Kategori Transaksi Runcit	Kad AmBank Enrich Visa Infinite	Kad AmBank Enrich Visa Platinum
Luar Negeri ¹ (selain Ringgit Malaysia) dan Malaysia Airlines ²	RM2 = 1 Mata Ganjaran Enrich	RM3 = 1 Mata Ganjaran Enrich
Tempatan ³ (Ringgit Malaysia) dan Penerbangan Lain ⁴	RM6 = 1 Mata Ganjaran Enrich	RM7 = 1 Mata Ganjaran Enrich
Pendidikan, Insurans dan Utiliti Tempatan ⁵	RM12 = 1 Mata Ganjaran Enrich (Dihadkan kepada maksimum 8,000 Mata Ganjaran Enrich bagi setiap kitaran penyata)	RM13 = 1 Mata Ganjaran Enrich (Dihadkan kepada maksimum 8,000 Mata Ganjaran Enrich bagi setiap kitaran penyata)

- ¹ Transaksi runcit luar negeri merujuk kepada mana-mana transaksi runcit yang dilakukan dalam mata wang asing, iaitu mata wang bukan Ringgit Malaysia, walau di manapun transaksi tersebut dilakukan.
- ² Transaksi runcit Malaysia Airlines merujuk kepada transaksi runcit di bawah Pedagang Kategori Kod ("MCC") 3100 dan 4511.
- ³ Transaksi runcit tempatan adalah merujuk kepada mana-mana transaksi runcit yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia, walau di manapun urusan niaga tersebut dilakukan.
- ⁴ Transaksi runcit penerbangan lain merujuk kepada transaksi runcit di bawah MCC 3000 – 3303, 3308 dan 4511, tidak termasuk MCC 3100.
- ⁵ Transaksi runcit bagi Pendidikan Tempatan, Insurans dan Utiliti merujuk kepada transaksi yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia di bawah MCC yang disenaraikan di bawah kategori ini. Selain itu, maksimum 8,000 Mata Ganjaran Enrich akan dihadkan bagi setiap kitaran penyata untuk jumlah transaksi yang digabungkan di bawah kategori ini.
- Pendidikan: 8211, 8220, 8241, 8244, 8249, 8299, 8351
 - Insurans: 5960, 6300
 - Utiliti: 4812, 4813, 4814, 4815, 4816, 4821, 4899, 4900
8. Mata Ganjaran Enrich hanya diberikan berdasarkan transaksi runcit sahaja. Untuk mengelakkan keraguan, urusan niaga berikut dikecualikan daripada pengiraan Mata Ganjaran Enrich:
- i. Faedah, caj kewangan, yuran Pendahuluan Tunai, cukai perkhidmatan kerajaan, dan/atau yuran dan lain-lain caj yang dikenakan oleh pihak Bank;
 - ii. Pemindahan baki, AmFlexi-Plus, QuickCash, pendahuluan tunai, pengeluaran tunai, deposit tunai, dan/atau transaksi tunai kuasi (contoh: pertaruhan dan / atau transaksi perjudian);
 - iii. Baki tertunggak dibawa ke hadapan dari bulan sebelumnya;
 - iv. Transaksi yang dibuat menggunakan jumlah Prabayar. Untuk mengelakkan keraguan, Prabayaran adalah jumlah yang dibayar oleh Pemegang Kad melebihi jumlah baki tertunggak;
 - v. Sebarang pembelian di stesen petrol termasuk pembelian petrol, diesel dan sebarang pembelian lain yang dibuat di kiosk/stesen petrol;
 - vi. Sebarang bayaran untuk kebajikan di bawah MCC 8398 yang ditetapkan;
 - vii. Sebarang bayaran berkaitan kerajaan di bawah MCC:- 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405 yang ditetapkan;
 - viii. Sebarang transaksi termasuk debit terus daripada JomPay, FPX, Duitnow QR dan/atau sebarang pembayaran berkaitan tanpa kod MCC atau MCC 0000;
 - ix. Sebarang transaksi pelan pembayaran ansuran;
 - x. Transaksi e-dompot di bawah MCC 6540 yang ditetapkan;
 - xi. Transaksi pembalikan, yang menyalahi undang-undang, penipuan peruncitan dan transaksi yang dipertikaikan oleh Pemegang Kad.
9. Penentuan kategori di bawah Klausula 8 adalah mengikut budi bacara Bank dan adalah muktamad dan konklusif.
10. Pemegang Kad berhak mendapat Mata Ganjaran Enrich untuk pembelian barangan dan perkhidmatan runcit yang dibuat dengan Kad Kredit untuk tujuan penggunaan peribadi sahaja dan bukan untuk tujuan perniagaan/komersial ("Kategori Dibenarkan"). Bank akan menganugerahkan Mata Ganjaran Enrich hanya apabila Bank menganggap pembelian termasuk dalam Kategori Dibenarkan ini.
11. Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi oleh Pemegang Kad untuk bulan semasa Penyata Kad tidak akan diberikan kepada Pemegang Kad jika Pemegang Kad gagal membuat pembayaran minimum yang perlu dibayar pada tarikh akhir pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata Kad bulan sebelumnya.
12. Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi hanya sah selama tiga (3) tahun dan akan luput pada hujung bulan tahun ketiga, kecuali dinyatakan sebaliknya.
13. Penebusan Mata Ganjaran Enrich
- i. Mata Ganjaran Enrich yang dikreditkan ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad hanya boleh digunakan untuk penebusan yang dibuat di bawah Program Enrich, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Malaysia Airlines dan seperti yang boleh dipinda oleh Malaysia Airlines dari semasa ke semasa. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Terma dan Syarat Enrich di <https://enrich.malaysiaairlines.com/enrich/about-enrich/terms-conditions.html>.
 - ii. Penebusan Mata Ganjaran Enrich boleh dibuat oleh Pemegang Kad melalui laman web Malaysia Airlines, Katalog Enrich Online dan rakan kongsi penebusan lain yang mengambil bahagian.
 - iii. Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi tidak mengandungi wang tunai atau nilai monetari dan tidak boleh ditukarkan. Kecuali dinyatakan sebaliknya, Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi boleh dipindahkan tertakluk kepada terma dan syarat terpakai di <https://enrich.malaysiaairlines.com/enrich/about-enrich/terms-conditions.html>.

- iv. Sekiranya Bank berpendapat bahawa Pemegang Kad tidak berhak mendapat Mata Ganjaran Enrich seperti yang dinyatakan dalam Klausula 8, 10 dan 11, Bank berhak untuk membalikkan peruntukan mana-mana Mata Ganjaran Enrich. Pembalikan Mata Ganjaran Enrich juga termasuk mana-mana Mata Ganjaran Enrich yang diberikan sebelum ini. Jika Bank mengesyaki atau menyedari bahawa mana-mana transaksi tersebut tidak termasuk dalam Kategori Dibenarkan, keputusan Bank akan menjadi muktamad dan konklusif.
 - v. Sekiranya terdapat transaksi runcit dengan Kad yang dibalikkan atau dibatalkan, Bank sama ada:
 - i. Meminta Malaysia Airlines untuk mendebitkan Akaun Enrich Pemegang Kad untuk Mata Ganjaran Enrich yang diperoleh daripada transaksi runcit yang berkaitan, yang dikehendaki dibalikkan atau dibatalkan dengan syarat terdapat Mata Ganjaran Enrich yang mencukupi dalam Akaun Enrich Pemegang Kad; atau
 - ii. Mendebitkan Akaun Kad Pemegang Kad untuk Mata Ganjaran Enrich yang diperoleh daripada transaksi runcit yang dikehendaki dibalikkan atau dibatalkan; berdasarkan kadar pertukaran, jika Mata Ganjaran Enrich yang diperoleh daripada transaksi runcit tersebut telah pun ditebus oleh Pemegang Kad.
 - vi. Sekiranya terdapat sebarang Mata Ganjaran Enrich yang telah dikreditkan, dikehendaki dibatalkan daripada Akaun Kad Pemegang Kad disebabkan pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang terpakai, Bank sama ada:
 - i. Meminta Malaysia Airlines mendebitkan Akaun Enrich Pemegang Kad untuk Mata Ganjaran Enrich berkaitan yang telah dikreditkan; atau
 - ii. Mendebitkan Akaun Kad Pemegang Kad untuk Mata Ganjaran Enrich yang telah dikreditkan, yang dikehendaki dibatalkan berdasarkan kadar pertukaran, jika Mata Ganjaran Enrich tersebut telah pun ditebus oleh Pemegang Kad.
 - vii. Sekiranya sebarang Mata Ganjaran Enrich dikreditkan secara silap, secara salah atau tidak menurut atau melanggar Terma dan Syarat, Malaysia Airlines berhak untuk membalikkan atau mengeluarkan sebarang Mata Ganjaran Enrich yang dikreditkan kepada Ahli dengan memberi notis awal kepada Bank atau Pemegang Kad.
 - viii. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memastikan Akaun Enrich beliau sentiasa dalam status yang baik dan aktif untuk membolehkannya menerima Mata Ganjaran Enrich daripada Bank. Pemegang Kad boleh menghubungi Malaysia Airlines dan berurusan terus dengan Malaysia Airlines berkaitan penebusan Mata Ganjaran Enrich atau sebarang pertanyaan atau pertikaian berhubung Akaun Enrich Pemegang Kad. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad atas sebarang tindakan atau ketiadaannya oleh Malaysia Airlines berhubung Mata Ganjaran Enrich, termasuk tetapi tidak terhad kepada penebusan Mata Ganjaran Enrich, dan sebarang isu berkaitan penebusan Mata Ganjaran Enrich hendaklah diselesaikan antara Pemegang Kad dan Malaysia Airlines, tanpa meminta bantuan daripada atau menjadi liabiliti kepada Bank.
 - ix. Pemegang Kad dengan ini mengakui bahawa akan ada suatu tempoh masa yang munasabah antara urusan niaga yang dijalankan menggunakan Kad dan pengkreditan Mata Ganjaran Enrich ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad. Oleh itu, Bank tidak mewakili atau menjamin bahawa sebarang Mata Ganjaran Enrich yang diperoleh menggunakan Kad akan tersedia serta-merta untuk ditebus.
 - x. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang penebusan tanpa kebenaran, atau sebarang transaksi lain yang melibatkan Program, walau bagaimanapun ia timbul.
14. Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi oleh Pemegang Kad akan dinyatakan dalam penyata bulanan Kad Pemegang Kad Utama (seperti yang ditakrifkan di sini selepas ini). Bank berhak untuk mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Mata Ganjaran Enrich dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan dan/atau ketinggalan dalam memproses dan mengkreditkan Mata Ganjaran Enrich ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Utama bermaksud individu yang telah diberikan Kad utama dan mempunyai kuasa utama untuk menguruskan akaun Kad.
15. Bank berhak menggunakan budi bicaranya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad dan tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad, untuk menggantung bagi tempoh yang tidak pasti, membatalkan dan/atau menamatkan atau mengubah Program. Tanpa mengehendkan keumuman peruntukan-peruntukan yang seterusnya, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad atas penggantungan, pembatalan atau penamatan Program atau sebarang manfaat yang tersedia di bawahnya untuk sebarang sebab apa jua pun, termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi di mana Malaysia Airlines menarik balik atau membatalkan sebarang manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program, termasuk sebarang pembatalan, penggantungan, penarikan balik dan/atau pemindaan Enrich dalam sebarang cara yang menjejaskan Bank dan/atau Pemegang Kad.
16. Sekiranya Kad kepada Pemegang Kad dibatalkan atau ditamatkan oleh sama ada Pemegang Kad atau Bank, Pemegang Kad tidak lagi berhak ke atas Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi daripada transaksi runcit yang dijalankan menggunakan Kad yang belum dikreditkan ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad, walau berapapun Mata Ganjaran Enrich yang diperoleh yang mungkin telah dinyatakan dalam penyata Kad Pemegang Kad. Mata Ganjaran Enrich sedemikian akan dibatalkan dan/atau diambil kembali secara automatik apabila Kad dibatalkan/ditamatkan.
17. Transaksi runcit yang dijalankan menggunakan Kad dan penukaran kepada Mata Ganjaran Enrich akan dinyatakan dalam penyata bulanan Kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad dengan ini secara jelas berakujanji dengan Bank bahawa Pemegang Kad bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Bank secara bertulis dalam masa empat belas (14) Hari Berniaga dari tarikh Pemegang Kad menerima atau dianggap telah

menerima penyata tersebut, tentang sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan apa-apa catatan dalam penyata bulanan Kad, terutamanya transaksi runcit berkaitan Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi. Sekiranya Pemegang Kad membuat demikian, dalam tempoh yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat di sini, memaklumkan Bank secara bertulis tentang sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan sedemikian, maka Pemegang Kad akan dianggap sebagai telah menerima catatan yang dimasukkan sebagai tepat, muktamad dan bukti konklusif bagi fakta-fakta yang terkandung didalamnya dan penyata tersebut hendaklah dianggap sebagai mengikat terhadap Pemegang Kad. Pemegang Kad selepas itu adalah terhalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa penyata tersebut mengandungi kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.

18. Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa penebusan Mata Ganjaran Enrich adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Malaysia Airlines yang boleh dipinda dari semasa ke semasa. Dengan mengambil bahagian dalam Program ini, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan semua terma dan syarat yang terpakai dan untuk menghubungi Malaysia Airlines secara terus untuk sebarang pertanyaan atau isu.

Sehingga 12% Potongan untuk Penerbangan Malaysia Airlines ("Diskaun")

19. Pemegang Kad layak mendapat diskaun sehingga 12% bagi semua tambang komersial penuh biasa dan diskaun sehingga 5% bagi tambang promosi dalam penerbangan yang dikendalikan sendiri oleh Malaysia Airlines seperti jadual di bawah. Diskaun tersebut sah untuk tempahan melalui Enrich Online di enrich.malaysiaairlines.com/EnrichAmBank.

Kelas Kabin	Kelas Tempahan	Jenama Tambang (FLEX, BASIC, LITE)
Suite Perniagaan	F	12%
	A	12%
	P	12%
	P (Promo)	5%
Perniagaan	J	12%
	C	12%
	D	12%
	Z	12%
	Z (Promo)	5%
Ekonomi	Y	12%
	B	12%
	H	12%
	K	12%
	M	12%
	L	12%
	V	12%
	S	12%
	N	12%
	Q	12%
	O (Promo)	5%

20. Diskaun ini hanya terpakai apabila bayaran dibuat dengan Kad AmBank Enrich Visa Infinite dan/atau Kad AmBank Enrich Visa Platinum.
21. Bagi tujuan Diskaun, jumlah nilai tambang selepas Diskaun akan dibundarkan kepada ringgit terdekat.
22. Diskaun hanya terpakai untuk tambang-tambang yang dipaparkan sahaja tanpa tarikh *blackout*.
23. Diskaun tidak terpakai kepada yang berikut: -
 - i. surcaj bahan api, caj perkhidmatan tempahan, cukai/surcaj dan yuran perkhidmatan tambahan (termasuk bagasi lebihan prabayar dan yuran pemilihan tempat duduk);
 - ii. sektor berbilang bandar, sektor dengan tiket bagi perhentian bermalam atau tiket *open jaw* untuk jadual perjalanan yang masuk dan keluar dari bandar-bandar yang berbeza dari negara/wilayah yang sama;
 - iii. untuk tiket bagi bayi dan kanak-kanak;
 - iv. di samping promosi-promosi lain yang sedang berlangsung dan tidak boleh ditukarkan untuk wang tunai atau digunakan dengan kupon tawaran lain, baucar, program kesetiaan, kad keistimewaan ahli atau dengan jenis-jenis tambang lain, tambang promosi yang melibatkan sebarang diskaun atau kadar istimewa;

- v. untuk penerbangan kod perkongsian di mana Malaysia Airlines adalah syarikat pengangkutan yang mengendalikan atau memasarkan secara perkongsian dengan syarikat-syarikat penerbangan lain;
 - vi. untuk tiket-tiket yang dikeluarkan oleh gabungan Malaysia Airlines dengan syarikat-syarikat penerbangan rakan kongsi lain seperti untuk penerbangan sambungan, penerbangan kod perkongsian (siri penerbangan MH4000, MH5000 dan MH9000), MASwings (siri penerbangan MH3000), Firefly, Syarikat Penerbangan Ahli oneworld dan Syarikat Penerbangan Rakan Kongsi Enrich, sewa khas (siri penerbangan MH8000) dan AMAL (Jeddah/Madinah), penerbangan yang termasuk segmen-segmen yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan lain dan dipasarkan oleh Malaysia Airlines atau segmen yang dikendalikan oleh Malaysia Airlines dan dipasarkan oleh syarikat penerbangan lain; dan
 - vii. sebarang syarat lain yang mungkin dikemaskini oleh Malaysia Airlines dari semasa ke semasa.
24. Diskaun boleh digunakan untuk membeli tiket sehala atau tiket pergi-balik sahaja.
25. Sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam jadual perjalanan (laluan dilencongkan) bagi tiket asal yang dibeli, Diskaun tidak akan terpakai untuk laluan baharu tersebut.
26. Semua tambang berbeza mengikut kelas tambang, kelas tempahan, ketersediaan tempat duduk, permintaan dan musim, yang mungkin mengehendkan bilangan tempat duduk dalam pelbagai tambang yang tersedia untuk penerbangan Malaysia Airlines. Sekatan lain mungkin dikenakan dalam tempoh tertentu sepanjang tahun yang ditetapkan dalam Peraturan Tambang Penerbangan Malaysia sebelum pembayaran.
27. Tambang diskaun yang diberikan di laman web semasa tempahan adalah sah pada masa ia dinyatakan sahaja. Jika tempahan ditangguhkan atau tidak dilengkapkan sebaik sahaja dinyatakan, tambang diskaun untuk jadual perjalanan yang diminta boleh berubah tertakluk pada ketersediaan tempat duduk dan jenis tambang sehingga tempahan disahkan.
28. Pemegang Kad digalakkan untuk membuat perbandingan yang tepat antara tambang diskaun dan tambang biasa atau sebarang tambang promosi lain sebelum memutuskan pilihan terbaik untuk keperluan perjalanan mereka. Sebaik sahaja tiket tambang diskaun dibeli, tiket tidak boleh ditukar kepada tambang promosi lain yang mungkin ditawarkan.
29. Pembelian tiket daripada Malaysia Airlines adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Malaysia Airlines di <https://enrich.malaysiaairlines.com/enrich/about-enrich/terms-conditions.html>. Untuk sebarang pertanyaan atau kebimbangan berhubung terma dan syarat ini, Pemegang Kad bersetuju untuk berhubung terus dengan Malaysia Airlines. Polisi, aturan dan peraturan Malaysia Airlines termasuk Syarat-syarat Umum Pengangkutan bagi Penumpang dan Bagasi adalah terpakai.
30. Bank bukan ejen kepada Malaysia Airlines, anak-anak syarikatnya atau rakan bersekutu dan tidak membuat sebarang representasi/waranti/sokongan kepada kualiti/ kebolehdagangan/kesesuaian barangan dan perkhidmatan yang disediakan ("Produk") dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan/ kehilangan/ kerosakan yang dialami daripada penggunaan Produk. Pemegang kad hendaklah merujuk kepada Malaysia Airlines untuk pertanyaan/masalah berkaitan Produk.

Status Tahap Elit Laluan Cepat

31. Status Tahap Elit Laluan Cepat hanya terpakai kepada Pemegang Kad Utama. Pemegang Kad Utama layak mendapat pengurangan 30% dalam keperluan Mata Elit untuk Tahap Elit dengan cara berikut:

Tahap Elit	Perak	Emas	Platinum
Keperluan Mata Elit Standard yang ditetapkan oleh Enrich	30	60	100
Keperluan Mata Elit untuk Pemegang Kad Utama Sahaja (pengurangan 30% dalam keperluan Mata Elit standard)	21	42	70

32. Pemegang Kad Utama bertanggungjawab untuk memastikan Akaun Enrich beliau sentiasa dalam status yang baik dan aktif untuk layak mendapat pengurangan 30% dalam keperluan Mata Elit untuk Tahap Elit. Pemegang Kad Utama hendaklah menghubungi Malaysia Airlines dan berurusan secara terus dengan Malaysia Airlines berhubung Mata Elit atau sebarang pertanyaan atau pertikaian berhubung Akaun Enrich Pemegang Kad Utama. Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad Utama atas sebarang tindakan atau ketiadaan berhubung Mata Elit oleh Malaysia Airlines, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang masalah berkaitan Mata Elit hendaklah diselesaikan antara Pemegang Kad Utama dan Malaysia Airlines, tanpa meminta bantuan daripada atau menjadi liabiliti kepada Bank.

33. Sekiranya Kad kepada Pemegang Kad Utama dibatalkan atau ditamatkan oleh sama ada Pemegang Kad Utama atau Bank, Pemegang Kad Utama tidak lagi layak mendapat pengurangan 30% dalam keperluan Mata Elit untuk Tahap Elit. Sekiranya Pemegang Kad Utama telah dinaik taraf ke Peringkat Elit seterusnya dan tidak memenuhi keperluan Mata Elit standard selepas pembatalan atau penamatan Kad pada tahun kalendar yang sama, Enrich mempunyai hak untuk menurunkan taraf Peringkat Elit Pemegang Kad Utama setelah pembatalan atau penamatan Kad AmBank Enrich Visa Infinite dan/atau Kad AmBank Enrich Visa Platinum.
34. Mata Elit tidak terkumpul. Apabila Pemegang Kad Utama mencapai status Tahap Elit, mereka boleh melayakkan diri semula untuk status sedemikian atau status yang lebih tinggi, pada setiap tahun. Kegagalan untuk layak semula untuk Status Tahap Elit pada setiap tahun akan menyebabkan Pemegang Kad Utama diklasifikasikan semula kepada status Tahap lebih rendah yang seterusnya. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web Malaysia Airlines iaitu www.malaysiaairlines.com

Akses kepada Golden Lounge Malaysia Airlines di Kuala Lumpur (KL) ("Baucar Akses Golden Lounge")

35. Pemegang Kad Utama layak untuk mengakses Golden Lounge Malaysia Airlines di Lapangan Terbang Antarabangsa KL dengan cara berikut:

	Kad AmBank Enrich Visa Infinite	Kad AmBank Enrich Visa Platinum
Akses kepada Golden Lounge Malaysia Airlines	Akses Percuma Tanpa Had (Pemegang Kad Utama dan seorang (1) tetamu)	Empat (4) Akses Percuma bagi setiap dua belas (12) bulan dari Tarikh Ulang Tahun Kad (Pemegang Kad Utama sahaja)

36. Baucar Akses Golden Lounge untuk Kad AmBank Enrich Visa Infinite dan Kad AmBank Enrich Visa Platinum hanya terpakai untuk penebusan bagi Pemegang Kad yang mengembara dengan penerbangan yang dikendalikan sepenuhnya oleh Malaysia Airlines dan di Golden Lounge terpilih yang dikendalikan oleh Malaysia Airlines.
37. Baucar Akses Golden Lounge adalah tidak sah di ruang istirahat pihak ketiga (ruang istirahat yang tidak dikendalikan oleh Malaysia Airlines) dan ruang istirahat oneworld. Senarai Golden Lounge yang dikendalikan oleh Malaysia Airlines adalah seperti berikut:
- Golden Lounge Domestik Lapangan Terbang Antarabangsa KL,
 - Golden Lounge Wilayah Lapangan Terbang Antarabangsa KL, dan
 - Golden Lounge Satelit Lapangan Terbang Antarabangsa KL
38. Baucar Akses Golden Lounge untuk Kad AmBank Enrich Visa Infinite boleh diberikan kepada rakan Pemegang Kad Utama yang mengembara dalam penerbangan yang sama dengan Pemegang Kad Utama tersebut.
39. Baucar Akses Golden Lounge untuk Kad AmBank Enrich Visa Platinum adalah terpakai kepada Pemegang Kad Utama sahaja.
40. Baucar Akses Golden Lounge tidak diberikan kepada Pemegang Kad Tambahan Kad AmBank Enrich Visa Infinite dan Kad AmBank Enrich Visa Platinum.
41. Pemegang Kad Utama hendaklah mematuhi, antaranya, yang berikut:
- Pemegang Kad Utama dikehendaki memuat turun aplikasi mudah alih Malaysia Airlines untuk mengakses Baucar Akses Golden Lounge.
 - Baucar Akses Golden Lounge mesti ditunjukkan di meja resepsi tetamu ruang istirahat tersebut berserta pas masuk Malaysia Airlines.
 - Bagi rakan yang mengembara dengan Pemegang Kad Utama (hanya sah untuk Kad AmBank Enrich Visa Infinite), rakan Pemegang Kad Utama mesti menunjukkan pas masuk Malaysia Airlines di meja resepsi tetamu ruang menunggu.
42. Baucar Akses Golden Lounge adalah sah sehingga tarikh luput yang dinyatakan. Kesahan Baucar Akses Golden Lounge Enrich tidak boleh dilanjutkan dan sebaik luput, ia akan dianggap tidak sah.
43. Baucar Akses Golden Lounge tidak boleh dipindah milik atau ditukar kepada wang tunai atau sebarang barangan.
44. Baucar Akses Golden Lounge adalah sah untuk mengakses ruang istirahat sebelum bertolak sahaja dan sah digunakan untuk penerbangan yang dikendalikan sepenuhnya oleh Malaysia Airlines, yang ditempah atas nombor penerbangan MH dan tiket dikeluarkan pada dokumen (232) Malaysia Airlines pada hari tersebut sahaja. Baucar Akses Golden Lounge adalah tidak sah jika perjalanan menggunakan syarikat penerbangan oneworld, rakan kongsi, kod perkongsian dan mana-mana penerbangan yang dipasarkan.

45. Pemegang Kad Utama mestilah terlebih dahulu menebus dan menunjukkan Baucar Akses Golden Lounge kepada kakitangan Golden Lounge untuk pengesahan. Sebaik ditebus, ia dianggap telah digunakan. Baucar Akses Golden Lounge yang dileret atau diaktifkan secara tidak sengaja tidak akan diaktifkan semula dan akan dianggap sebagai telah digunakan.
46. Pemegang Kad Utama bersetuju bahawa akses Pemegang Kad Utama kepada Golden Lounge akan dikawalselia oleh Terma dan Syarat Golden Lounge Malaysia Airlines di www.malaysiaairlines.com yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
47. Baucar Golden Lounge yang diperoleh akan dibatalkan secara automatik apabila Kad dibatalkan/ditamatkan.

Peruntukan Umum

48. Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini yang menyalahi undang-undang atau tidak sah di bawah undang-undang atau peraturan semasa atau akan datang, yang berkuatkuasa dan terpakai dalam tempoh Terma dan Syarat ini, maka peruntukan sedemikian akan diasingkan sepenuhnya dan Terma dan Syarat ini akan diertikan seolah-olah peruntukan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah sedemikian tidak pernah menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini dan peruntukan lain Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan dan tidak akan terjejas oleh peruntukan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah tersebut dengan pengasingannya daripada Terma dan Syarat ini.
49. Semua Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini dikawalselia oleh dan diertikan menurut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar dalam mahkamah di Kuala Lumpur.
50. Selepas memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad, Bank berhak untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadam, mengubah suai, meminda atau sebaliknya) ("Pindaan") mana-mana Terma dan Syarat di sini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menukar dan/atau menarik balik Program atau menukar penyedia perkhidmatan daripada Malaysia Airlines kepada penyedia perkhidmatan lain yang serupa. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berhubung Pindaan akan berkuatkuasa menurut budi bicara mutlak Bank.
51. Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Program, termasuk penentuan dan kelayakan mendapat Mata Ganjaran Enrich adalah muktamad dan terikat, dan sebarang pertikaian berhubung Program (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan mendapat Mata Ganjaran Enrich) tidak akan dilayan oleh Bank.
52. Pemberian Pedagang Kategori Kod atau MCC kepada setiap pedagang adalah menurut budi bicara mutlak bank pemeroleh.
53. Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantikan Program dengan suatu program alternatif yang dianggap wajar dan sesuai pada bila-bila masa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad sebelum Terma dan Syarat baharu berkuatkuasa.
54. Keputusan Bank atas semua perkara berkaitan Program adalah muktamad dan terikat ke atas Pemegang Kad.
55. Bank berhak untuk mengubah atau menukar ciri-ciri produk pada Kad atau sebarang peruntukan dalam Terma dan Syarat ini dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad sebelum Terma dan Syarat baharu berkuatkuasa.
56. Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank kepada Pemegang Kad bagi melaksanakan Terma dan Syarat ini hendaklah diberikan dengan cara:-
 - i. Mengirimkan hantaran melalui laman web Bank, www.ambank.com.my
 - ii. Memaparkan notis sedemikian di Cawangan-Cawangan Bank
 - iii. Mengepos notis sedemikian ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui, yang terdapat dalam rekod Bank, atau
 - iv. E-mel atau Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) ke alamat e-mel atau nombor mudah alih Pemegang Kad seperti dalam rekod Bank.

Notis sedemikian akan dianggap sebagai telah diberikan kepada Pemegang Kad: -

- i. Jika terpapar pada www.ambank.com.my pada hari notis dihantar
- ii. Jika dipaparkan di cawangan-cawangan Bank, pada hari notis dipaparkan
- iii. Jika dihantar melalui pos, pada hari kalendar ke-3 selepas notis dihantar, dan
- iv. Jika dihantar melalui e-mel atau SMS, pada tarikh transmisi

57. Pemegang Kad juga bersetuju untuk log masuk ke www.ambank.com.my dan laman web Malaysia Airlines di www.malaysiaairlines.com secara berkala untuk melihat Terma dan Syarat ini bagi memastikan mereka sentiasa mengetahui tentang sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
58. Sebarang tindakan Bank dalam melaksanakan haknya di bawah Terma dan Syarat ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembatalan, semakan, penamatan atau penggantungan Program) tidak akan memberi Pemegang Kad hak kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad sebagai akibat langsung atau tidak langsung apabila Bank melaksanakan haknya di bawah Terma dan Syarat ini.
59. Bagi tujuan pengiraan Mata Ganjaran Enrich, perbelanjaan dalam mata wang asing oleh Pemegang Kad menggunakan Kad akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) menurut terma-terma yang ditetapkan dalam Perjanjian Pemegang Kad.
60. Terma dan Syarat ini akan kekal terpakai mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam sebarang bahan promosi atau pengiklanan lain yang mengiklankan Kad dan/atau Program.
61. Versi Bahasa Inggeris untuk Terma dan Syarat ini boleh didapati melalui www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau konflik dalam tafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap Terma dan Syarat ini hendaklah dianggap sebagai setara, dan setiap Terma dan Syarat yang ditetapkan dalam kedua-dua bahasa akan membawa makna yang sama.
62. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan Program, Pemegang Kad boleh menghubungi Bank di:
- Pusat Hubungan AmBank
Tel: 03-2178 8888
E-Mel: customercare@ambankgroup.com